

04/11/1999

Pendekatan pembangkang tidak hargai keamanan

Rokaid Chik

TOKOH veteran Umno, Datuk Dr Rais Yatim berkata sekarang bukan masanya rakyat di negara ini berpecah belah, sebaliknya usaha mengukuhkan perpaduan negara harus diberi keutamaan.

Menurutnya, apa yang penting bagi generasi muda hari ini khususnya orang Melayu ialah menghayati semula dasar perjuangan Umno terutamanya dalam usaha berkhidmat, bersatu dan bersetia.

Usaha seperti itu perlu diteruskan dan tidak wajar timbul jurang yang boleh menghalang matlamat untuk membina sebuah bangsa Malaysia yang kuat.

"Rakyat tidak boleh lagi membuat kesilapan. Sesungguhnya nilai-nilai itu perlu jelas. Apa yang pernah dialami hendaklah dijadikan pengajaran.

"Kita tidak boleh menolak entiti parti pembangkang khususnya Pas, kerana itu adalah hak mereka.

"Tetapi pada masa sama kita harus sentiasa menimbulkan kesedaran di kalangan mereka (Pas) dengan keikhlasan kita sebagai satu politik 'gentleman'.

"Kita mesti ajar pembangkang supaya mereka faham erti keamanan di sebuah negara berbilang kaum," katanya dalam ceramah politik Umno di Pulau Chondong, Kelantan, baru-baru ini.

Bagaimanapun, apa yang berlaku hari ini khususnya dari segi politik seolah-olah sejarah lampau yang pernah berlaku di negara ini tidak pernah dijadikan pedoman dan pengajaran.

Hal ini berlaku kerana terdapatnya sesetengah pihak khususnya golongan pembangkang Melayu seperti Pas dan Parti Keadilan Nasional (Keadilan) yang cuba mengambil kesempatan 'memporak perandakan' kestabilan politik negara.

Misalnya, tindakan Pas dalam mengeluarkan pelbagai kenyataan yang keras serta melampau bukan saja boleh mencuit sensitiviti penyokong mereka dan rakyat, malah ia juga boleh mencetuskan kejadian buruk jika tidak ditangani dengan baik oleh kerajaan yang memerintah.

Dalam kes mengeluarkan 'fakta' yang berkaitan dengan agama pula, nampaknya sering juga berlaku percanggahan antara seorang pemimpin Pas dengan pemimpin Pas yang lain dan ini tentunya meninggalkan kesan negatif kepada umat Islam di negara ini.

Kewajaran sikap ini walaupun dibenarkan dalam sistem demokrasi berparlimen yang diamalkan di negara ini, namun kumpulan pembangkang berkenaan wajar membuat penilaian semula terhadap pendekatan yang mereka bawa selama ini.

Sebarang perubahan yang hendak dilakukan mereka belum tentu boleh menjamin keadaan lebih baik daripada sebelumnya atau apa yang dibimbangi ialah sekiranya ia berlaku di sebaliknya.

Sikap provokatif seperti ini dianggap sebagai satu entiti yang tidak sihat dan perlu ditolak oleh rakyat di seluruh negara yang cintakan kepada perpaduan, keharmonian dan juga keamanan negara.

Pandangan ini berasaskan kepada beberapa perkembangan politik semasa yang berlaku di seluruh dunia termasuk di rantau Asia Tenggara apabila kuasa luar atau asing ini hanya menunggu masa dan peluang yang sesuai untuk bertindak.

Apa yang sedang berlaku di Timor Timur, Indonesia sekarang ini wajar direnungi bersama oleh rakyat agar ia tidak berlaku di bumi Malaysia.

Dalam pada itu, kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sedikit masa lalu yang mengingatkan rakyat mengenai usaha pihak asing untuk campur tangan di negara ini, juga sentiasa berlaku.

Kenyataan itu sekali gus memberi ingatan kepada rakyat bahawa sebarang kesilapan membuat perhitungan akan membawa padah dan mendedahkan kepada bahaya penjajahan bentuk baru kuasa asing.

Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan, Tengku Razaleigh Hamzah, berkata apa yang dijelaskan oleh Perdana Menteri itu memang tepat dan tidak boleh sesiapa pun mempertikaikannya.

"Kita tengok memang kuasa besar nak menakluki dunia ini dengan pelbagai cara sama ada melalui peperangan, politik dan ekonomi.

"Dan ini semuanya adalah senjata kepada mereka untuk menguasai dunia. Sekiranya mereka tidak dapat menjajah dengan cara memacak bendera di negara kita, sekurang-kurangnya mereka nak menguasai kita dari segi ekonomi, bank dan sebagainya.

"Sekiranya ini berlaku ia akan memaksa negara yang bergantung kepadanya melutut kepada mereka dan kita rasa selama ini kita sudah dapat berdiri di atas kaki sendiri.

"Oleh itu, tidak ada sebab mengapa dengan kerjasama rakyat yang sedia ada pada hari ini kita tidak dapat menentukan nasib masa depan kita sendiri," katanya.

(END)